

Tebing Sungai Jinjang runtuh ancam keselamatan penduduk

SELAYANG - Hujan lebat Rabu lepas telah mengakibatkan tebing Sungai Jinjang berhampiran Taman Prima di sini runtuh akibat dirempuh arus deras.

Setiausaha Jawatankuasa Persatuan Penduduk Zon 12, Rafar Ahmad berkata, laluan yang digunakan ke sungai runtuh dan turut terjejas.

Menurutnya, jika tersilap langkah, penduduk yang melalui pagar untuk ke sungai boleh terjatuh disebabkan mendapan yang terlalu hampir dengan dewan.

"Cukup dengan satu langkah saja boleh menyebabkan penduduk jatuh ke dalam sungai jika pintu pagar tidak berkunci.

"Lokasinya yang terletak di selekoh sungai juga boleh mendatangkan risiko lebih buruk termasuklah pagar berhampiran akan roboh," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu katanya, sebuah tiang elektrik bersebelahan sungai juga semakin condong menunggu masa untuk tumbang.

"Kami dah tambak tanah di situ tapi ia hanya sementara, perlu ada kerja pembaikan tebing untuk mengurangkan pergerakan tanah.

"Kami juga pasang pita

amaran supaya penduduk lebih berhati-hati setiap kali ke kawasan itu kerana ada juga antaranya meletakkan kenderaan di kawasan berkenaan," katanya.

Sementara itu, Jurutera Daerah, Ir Junadi Apandi Jemain berkata, pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran ke lokasi bagi meninjau keadaan selepas aduan diterima Jumaat lalu.

"Kerosakan tebing yang berlaku pada Sungai Jinjang agak membimbangkan dan kita akan membuat semakan status tanah terlebih dahulu sebelum kerja pembaikan dilakukan.

"Bagi penyelesaian jangka masa pendek pemaju disarankan menutup tebing terjejas menggunakan 'mettress' bagi mengurangkan hakisan," katanya.



Hanya selangkah boleh menyebabkan seseorang terjatuh apabila rizab sungai yang dijadikan laluan, runtuh.